# Kerajaan boleh guna Akta Pengambilan Tanah untuk lindungi kolam takungan air

Berita Harian . 13/1/22 (Khamis) . pg: 1 & 2

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan boleh menggunakan Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi mengambil semula mana-mana kawasan kolam takungan air yang sudah diluluskan kepada pihak ketiga untuk pembangunan.

Pensyarah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Dr Ainul Jaria Maidin, berkata satu lagi kaedah untuk 'menyelamatkan' semula tanah terbabit ialah dengan membuat pembatalan atau pengubahsuaian kepada Kebenaran Membangun (DO) yang sudah diberikan kepada pemaju.

"Dua cara ini boleh digunakan untuk menyelamatkan enam kolam takungan air di ibu kota Kuala Lumpur yang sudah diberi milik kepada syarikat pemaju untuk tujuan pembangunan.

"Bagaimanapun, pemilik tanah hendaklah diberikan bayaran pampasan yang berpatutan mengikut nilai pasaran apabila tanah berkenaan diambil balik oleh pihak kerajaan," katanya kepada *BH*.

Beliau diminta mengulas laporan *BH* Selasa lalu bahawa agensi teknikal dan kejuruteraan yang bertanggungjawab isu banjir pernah mengesyorkan beberapa kolam air di ibu kota diwartakan sebagai kolam takungan banjir dan mengelakkannya daripada dijadikan kawasan komersial, namun syor itu ditolak.

Nasional 2

# 'Boleh ambil semula tanah dengan bayar pampasan'

Dari Muka 1

Perkara itu didedahkan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia yang juga bekas Ketua Pengarah JPS, Datuk Ir Nor Hisham Mohd Ghazali bahawa syor dan cadangan kolam takungan diwartakan dibuat berdasarkan aspek teknikal, khususnya berkaitan kepentingan rancangan tebatan banjir di Kuala Lumpur.

Sebelum ini, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 yang dibentangkan baru-baru ini mendedahkan 943 kebenaran perancangan diluluskan Datuk Bandar dari 2015 sehingga 2020.

Berdasarkan LKAN itu, enam kolam takungan air yang diluluskan pemberi milikan bagi tujuan pembangunan ialah Batu, Nanyang, delima Taman Wahyu, Batu 4 1/2 dan Taman Desa.

Dr Ainul Jaria berkata, penggunaan Akta Pengambilan Tanah 1960 dibenarkan dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 13(1) yang menyatakan tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang.

"Manakala Perkara 13(2) Perlembagaan Persekutuan, pula menyatakan dengan jelas iaitu tiada undang-undang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai.

"Pihak berkuasa perancang tempatan boleh mengambil semula tanah dengan pembayaran pampasan yang berpatutan atau menghalang pembangunan dengan membatalkan DO dengan memberikan alasan atau justifikasi memelihara kepentingan rakyat yang terkesan dengan banjir kilat yang sering berulang.

"Jika pemaju mencabar keputusan kerajaan untuk mengambil tanah atau membatalkan DO, atau mengheret kes ke mahkamah, kes ini hendaklah dinilai berdasarkan hak dan kepentingan rakyat yang terkesan akibat banjir yang semakin meruncing kebelakangan ini," katanya.

Bagi kes kolam takungan di ibu negara, Dr Ainul Jarian berkata, Datuk Bandar Kuala Lumpur mempunyai kuasa untuk membatal atau mengubah suai DO atas sebab kukuh iaitu bagi menghalang risiko banjir dan memelihara kepentingan rakyat.

Beliau berkata, perkara itu boleh dilakukan berdasarkan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982, Seksyen 25.(1) dan subseksyen (6) akta sama.

Beliau berkata, langkah bersifat progresif perlu dilaksana dengan menyelamatkan kawasan kolam takungan demi kepentingan rakyat pada masa depan daripada berdepan risiko banjir besar.

Beliau berkata, bagi pembatalan DO sehingga membabitkan syarikat pemaju berdepan kerugian kerana sudah mengeluarkan kos bagi pembangunan, mereka boleh memohon kepada DBKL atau Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) untuk membeli tanah mereka yang tidak boleh dimajukan itu berdasarkan nilai pasaran.

Kelmarin, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim memberi jaminan kawasan kolam takungan air sedia ada di ibu negara akan terus dipertahankan dan terpelihara daripada sebarang projek komersial.

Beliau berkata, pihaknya komited memastikan ibu kota mempunyai kawasan hijau, termasuk kolam takungan air yang mencukupi khususnya bagi tujuan tebatan banjir.



*Kerajaan beri jaminan kolam takungan air sedia ada di ibu negara terus terpelihara daripada projek komersial.*

# OUG market lots to be reorganised

## Move ensures uniformity at site, says DBKL

By BAVANI M
bavanim@thestar.com.my

KUALA Lumpur City Hall (DBKL) will reorganise trading lots at the Overseas Union Garden (OUG) morning market in Jalan Hujan Rahmat 2.

DBKL Corporate Communication Department, in a statement, said the move was to ensure uniformity.

The local authority said it was also to ensure that traders followed the standard operating procedure (SOP) for morning markets as per the National Security Council's (NSC) guidelines.

DBKL said the traders association managing the morning market and the traders themselves had failed to follow the SOP.

It also noted that there were a significant number of unlicensed traders at the market, causing congestion as many operated outside their lots.

DBKL has received many public complaints on the matter.

The statement also clarified that because of the sudden increase in traders at the market, there was a pressing need to reorganise the lots for better management.

Reorganisation includes identifying licensed traders and regulating illegal ones.

DBKL will repaint and renumber the lots as well as organise them based on the types of goods.

City Hall reiterated that the reorganising exercise was not an impromptu move but was done after several meetings with stakeholders last year.

*StarMetro* earlier reported that two associations — the Hujan Rahmat 2 Morning Market Traders Association and the Taman OUG Hawkers Association — were in a dispute over the management of the morning market.



By BAVANI M
bavanim@thestar.com.my

# Rival groups seek to manage morning market

Association in Taman OUG says DBKL should not interfere in matter

A TRADERS association in Overseas Union Garden (OUG) is questioning Kuala Lumpur City Hall's (DBKL) involvement in matters pertaining to the morning market.

There are two associations managing the morning market in the township – Hujan Rahmat 2 Morning Market Traders Association and the relatively new Taman OUG Hawkers Association.

Hujan Rahmat 2 market traders association chairman Tan Kian Kok said DBKL's Licensing Department officers had been going around asking traders to state their preference on which association should manage the morning market.

"The new association has no track record, yet DBKL officers are passing around a circular asking traders to vote for the association of their choice.

"To me, this is beyond their scope of work.

"DBKL should only be involved in licensing and stall allotment matters. It should not get involved in these matters."

Kian Kok also complained about the reduction of trading lots, which saw old-timers' lots being reduced and the reorganisation of the lots' locations.

Nancy Tan, 70, who has been selling footwear in the area for 29 years, said she not only had her lots reduced from five to one but was directed to move to another location.

"I am in a wheelchair and the new location is not conducive for me.

DBKL is asking traders to choose between two associations involved in running the Taman OUG morning market. – SAMUEL ONG/The Star

Kian Kok says the number of traders has risen from 242 to 473 at the morning market.

Nancy says her lots have been reduced from five to one and she has been told to move.

*StarMetro*'s report on Jan 7.

Traders alleged that DBKL officers from the Licensing Department had been going around asking traders to state their preference on which association should manage the morning market.

Many interviewed by *StarMetro* said they were also not happy with the reduction of lots' size as well as the new locations (of their lots) as it would be an inconvenience.

Old-timers said they had been operating there for decades and wanted to stay put.

Meanwhile, the police are investigating a fight which took place at the morning market on Saturday.

According to investigations, the victim was believed to have been attacked after he took photos of another trader's stall, which he claimed did not comply with conditions in the business licence.

# Miros dan DBKL bekerjasama laksana had laju 30km/j



Khairil (kiri), Suret dan Mahadi ketika mengadakan pertemuan pada 7 Januari lalu.

**SHAH ALAM** - Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (Miros) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan bekerjasama bagi melaksanakan had laju 30 kilometer sejam (km/j) di zon terpilih di ibu negara dan 50 km/j bagi zon lain.

Perkara itu dimaklumkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Miros, Datuk Suret Singh selepas mengadakan kunjungan hormat kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah pada 7 Januari lalu.

"Kami juga berbincang mengenai perkongsian data kamera litar tertutup (CCTV) berhubung kesalahan trafik," katanya menerusi ciapan di Twitternya pada Sabtu.

Turut hadir dalam kunjungan tersebut ialah Ketua Pengarah Miros, Datuk Dr Khairil Anwar Abu Kassim.

Pada Mei tahun lalu, Miros mencadangkan had laju had laju 30 km/j bagi kawasan perumahan, bandar dan kampung sebagai sebahagian daripada perancangan keselamatan jalan raya kebangsaan untuk tahun 2021 hingga 2030.

Cadangan tersebut merupakan sebahagian daripada kempen dijalankan di bawah Minggu Keselamatan Jalan raya Global PBB ke-6 (UNGRSW) yang menyasarkan pelaksanaan had 30 km/j di kawasan yang menyaksikan pejalan kaki bercampur dengan trafik.

Khairil menerusi kempen tersebut berkata, had laju lebih rendah seperti dicadangkan itu akan membolehkan persekitaran lebih selamat dan sihat untuk kawasan yang membabitkan percampuran antara manusia dan trafik.

Malaysia antara negara peserta mandat 18 resolusi keselamatan jalan raya melalui Deklarasi Stockholm yang dicapai pada Februari 2020 yang menyaksikan 80 menteri berjanji untuk mengurangkan hingga separuh kematian jalan raya menjelang 2030.